

30 OCT 2001

Iran-Afghanistan

IRAN SETUJU DENGAN PENDIRIAN MALAYSIA BERHUBUNG ISU AFGHANISTAN

PUTRAJAYA, 30 Okt (Bernama) -- Republik Islam Iran bersetuju dengan Malaysia bahawa masalah keganasan yang menghantui Amerika Syarikat (AS) hanya boleh diatasi dengan menganalisa keadaan semasa di Asia Barat, khususnya pergolakan di Palestin.

Menteri Luar Iran Dr Kamal Kharazzi berkata isu itu sebenarnya begitu rumit dan penyelesaian hanya akan dicapai selepas masalah-masalah di Asia Barat diberikan perhatian.

"Keganasan dan situasi bagi menghadapinya adalah isu yang rumit dan punca kepada masalah itu perlu diakui. Kita perlu melihat bagaimana lagak AS di Asia Barat," katanya pada sidang media selepas mengunjungi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di sini hari ini.

Dr Kamal singgah sehari di Malaysia dalam rangka lawatannya ke rantau ini untuk mengadakan perbincangan mengenai krisis di Afghanistan.

Pada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-9 di Shanghai pada 20 Okt lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa AS membantu menyelesaikan isu Palestin dalam usahanya memerangi keganasan ekoran serangan 11 Sept lalu di Washington dan New York.

Dr Kamal yang berkongsi pendapat itu berkata, "Masalah di Asia Barat perlu diselesaikan dan hak sepenuhnya diberikan kepada penduduk bumi Palestin."

Katanya, AS tidak boleh menyerang sebuah negara Islam atas alasan menentang keganasan.

Mengenai pembentukan sebuah kerajaan baru selepas perang di Afghanistan, beliau berkata kerajaan itu perlu diwakili oleh semua puak dan usaha itu perlu dikelolakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pada sidang media yang sama, Syed Hamid berkata Malaysia dan Iran bersependapat dalam pendirian mengenai keganasan iaitu kedua-dua buah negara bersetuju bahawa peperangan tidak akan dapat menghapuskannya.

"Perjumpaan saya dengan Menteri Luar Iran ini adalah dalam proses perundingan antara kedua-dua negara berkenaan perkembangan terkini di Afghanistan. Apa pun yang hendak dilakukan di Afghanistan mestilah satu rumusan yang memuaskan rakyat Afghanistan," katanya.

-- BERNAMA

SLR AHH MOZ